

BAB KEEMPAT

PENGENDALIAN KES MURTAD DI SELANGOR

4.0 Pendahuluan.

Walaupun tanpa undang-undang khusus mengenai jenayah murtad di negeri Selangor, pengurusan dan pengendalian kes murtad telah pun berjalan di negeri ini. Oleh itu bab ini akan menjelaskan kedudukan isu perundangan jenayah murtad di negeri Selangor, pengurusan kes murtad dan institusi yang berkaitan dalam menangani kes murtad. Seterusnya penulis akan menjawab persoalan adakah pengendalian kes murtad disandarkan dengan mana-mana perundangan dan apakah kesannya kepada kes murtad di negeri Selangor. Secara tidak langsung, ia akan menyentuh mengenai kesedaran dan kesediaan pihak pentadbiran hal ehwal Islam di negeri Selangor bagi menangani jenayah murtad.

4.1 Latarbelakang Peraturan Larangan Keluar dari Agama Islam

Sebelum penjajahan Inggeris, Selangor adalah sebahagian daripada empayar Kerajaan Melaka, yang kemudiannya berada di bawah naungan Kerajaan Johor-Riau selepas kejatuhan kerajaan Melaka pada 1511. Undang-undang Murtad mula diperkenalkan di negeri Selangor oleh Kerajaan Islam Melaka. Undang-Undang tersebut dijelaskan dalam fasal 36, Hukum Kanun Melaka, iaitu :

“Hukum murtad. Jika seseorang yang murtad itu tiada mahu bertaubat, hukumnya dibunuh.”¹

Apabila negeri Selangor ditubuhkan oleh Sultan Selangor yang pertama iaitu Sultan Salehuddin (1766-1782), Hukum Kanun Melaka terus dikekalkan dan terpakai kepada seluruh rakyat negeri Selangor sehingga Inggeris mula campurtangan ke atas pentadbiran negeri Selangor pada tahun 1874 dan seorang Residen Inggeris ditempatkan di negeri Selangor.² Semenjak itu, Inggeris mula memperkenalkan konsep pengasingan kuasa. Pada 5 Disember 1952, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 1952 diluluskan. Maka semua undang-undang Islam yang diperkenalkan oleh Inggeris semenjak tahun 1874 telah dimansuhkan.

Walaupun bagaimanapun, tiada kenyataan undang-undang disebut mengenai Hukum Kanun Melaka yang terpakai di negeri Selangor sama ada dimansuhkan ataupun tidak. Merujuk kepada kesalahan murtad, Enakmen ini tidak memperuntukkan murtad sebagai salah satu kesalahan jenayah di negeri Selangor. Begitu juga dengan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) 1989 yang tidak mempunyai peruntukan berhubung jenayah murtad.

Pada tahun 1995, *takfir* dikanunkan sebagai salah satu kesalahan jenayah syariah. Ia diperuntukkan di dalam seksyen 6, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, iaitu :

¹ Syed Zulilda S.M Nor (2006), *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: Kemunculan Dan Kegemilangan* Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 160.

² M.G Maxwell & W.S Gibson (1924), *Treaties and Engagements Affecting The Malay State And Borneo*, London: T.P, hh. 35-36.

(1) *Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada secara lisan atau tulisan, atau dengan gambaran tampak, atau dengan apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelolakan, menganjurkan atau mengaturkan apa-apa kegiatan atau selainnya dengan apa-apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti agama Islam, atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang yang menganuti agama Islam-*

- (a) *adalah orang kafir;*
- (b) *telah berhenti menganuti agama Islam;*
- (c) *tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima sebagai menganut agama Islam; atau*
- (d) *tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam agama Islam,*

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya

(2) *Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi-*

(a) *apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik melalui atau dibawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang diberi oleh undang-undang bertulis kuasa untuk memberikan atau mengeluarkan apa-apa fatwa atau keputusan tentang apa-apa perkara mengenai agama Islam; atau*

(b) *apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa fatwa atau keputusan yang diberikan atau dikeluarkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa agama itu, sama ada atau tidak fatwa atau keputusan itu adalah secara bertulis atau, jika bertulis, sama ada atau tidak disiarkan dalam Warta.*

Merujuk seksyen 6 (1) di atas, *takfir* adalah menuduh seorang Islam sebagai kafir sedangkan orang yang dituduh itu adalah seorang Islam. Oleh itu ia sebahagian daripada kes murtad. Seksyen ini juga menjelaskan mengenai kesalahan mengkafirkan seorang Islam yang sah. Peruntukan ini merujuk kepada hukum fiqh yang menjelaskan, jika seseorang Islam dituduh kafir sedangkan dia tidak kafir, maka tuduhan kekafirannya akan

kembali kepada pihak yang menuduh. Justeru undang-undang jenayah syariah di negeri Selangor melarang perbuatan tersebut.

Namun demikian, belum ada kes yang berkaitan dengan peruntukan ini didakwa di Mahkamah Syariah negeri Selangor. Walaubagaimanapun kesalahan ini adalah bagi pihak yang menuduh seseorang dan bukan kepada orang yang dituduh. Jika benar dakwaan orang yang menuduh bahawa seseorang itu telah murtad atau kafir, maka apakah hukuman kepada pihak yang dituduh? Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 tidak memperuntukkan kesalahan ini.

Peruntukan mengenai pengistiharan sebagai orang bukan Islam diperkenalkan apabila Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 diluluskan. Enakmen ini telah memperuntukkan di dalam seksyen 61, mengenai bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah di negeri Selangor untuk:

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya;

Seksyen ini memperuntukkan kepada Mahkamah Tinggi untuk membicarakan permohonan pengisytiharan bahawa seorang Islam itu bukan lagi beragama Islam dan penentuan status agama seseorang yang telah meninggal dunia, sama ada Islam ataupun bukan Islam. Menurut Tuan Zainor Rashid Hasin, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah negeri Selangor, peruntukan ini hanya menyatakan bidangkuasa Mahkamah Tinggi

Syariah dan ia bukanlah undang-undang murtad.³ Pendapat ini disokong oleh Cik Norhani Salwa Jamaludin selaku penasihat undang-undang MAIS.⁴ Oleh itu tiada undang-undang murtad sebagaimana yang diperuntukkan dalam hukum syarak di negeri Selangor. Malah lebih malang kes murtad di dalam enakmen ini, telah dikategorikan di dalam bidangkuasa mal, sedangkan mengikut hukum syarak, murtad adalah kes jenayah.

Masalah seterusnya ialah prosedur atau tatacara pengendalian kes murtad secara mal tiada walaupun murtad termasuk dalam bidangkuasa mal. Oleh itu, permohonan murtad dikendalikan seperti kes-kes mal yang lain. Sedangkan kes murtad memiliki kelainan yang tersendiri seperti tatacara *istitābah* dan kesan-kesan selepas murtad dari aspek mal seperti kekeluargaan dan pengurusan harta.

4.2 Pentadbiran Kes Murtad di Selangor

MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a corporate body*).⁵ Ia ditubuhkan di bawah seksyen 5(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003. Oleh itu MAIS, telah mewujudkan rangkaian agensi yang berkaitan bagi menangani isu murtad di negeri Selangor. Penyelarasan tindakan tersebut dikendalikan oleh Jawatankuasa Penasihat Akidah yang terdiri daripada Bahagian Undang-Undang MAIS, Bahagian Pembangunan Insan MAIS, Bahagian Dakwah JAIS, Bahagian Penyelidikan JAIS, Bahagian Penguatkuasaan JAIS, dan Mahkamah Syariah negeri

³ Zainor Rashid bin Hassin (Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Selangor), temubual dibuat pada 2 Disember 2009.


⁴ Nurhani Salwa Jamaluddin (Penasihat Undang-Undang MAIS), temubual dibuat pada 7 Disember 2009.

⁵ <http://www.mais.net.my/>, akses pada 10 Disember 2009.

Selangor. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Sohibus Samahah Dato' Mufti Diraja Negeri Selangor.

Semua kes murtad yang dibawa ke Mahkamah Tinggi Syariah akan dirujuk kepada tempat pemulihan di Baitul Iman, Hulu Yam Selangor. Bermula tahun 2009 proses pemulihan diasingkan antara pesalah lelaki dan wanita. Pesalah lelaki ditempatkan di Baitul Iman dan pesalah wanita ditempatkan di Baitul Ehsan. Namun demikian tindakan yang diambil oleh institusi ini bukan berdasarkan peruntukan undang-undang, tetapi hanya berdasarkan arahan pentadbiran sahaja. Gambaran umum, hubungkait antara agensi yang mengendalikan kes murtad di negeri Selangor adalah seperti gambarajah 4.1 di bawah:

Gambarajah 4.1: Agensi-agensi yang Berkaitan dengan Pengurusan Kes Murtad di Negeri Selangor.




Sumber: Rumusan dan pemerhatian Penyelidik.

Peranan bagi setiap agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut :

4.2.1 Bahagian Pembangunan Insan MAIS

Carta Aliran 4.2: Proses Pengendalian Kes Murtad di Bahagian Pembangunan MAIS Sehingga Mei 2008.



Sumber: Bahagian Pembangunan Insan, MAIS.

Carta Aliran 4.2 di atas menjelaskan proses pengendalian kes murtad di Bahagian Pembangunan MAIS. Sebelum 20 Mei 2008, kes-kes murtad dikendalikan oleh Unit Ukhuwwah JAIS⁶ dan kemudian unit ini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Insan MAIS bermula April 2005.

⁶ Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-hajj telah menitahkan kepada kerajaan negeri Selangor supaya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam diwujudkan. Pada 1 Oktober 1945, Jabatan Hal Ehwal Islam ditubuhkan, di mana YM Raja Haji Nong bin Raja Hussin telah dilantik sebagai setiausaha institusi ini. Pejabat sementara pentadbiran ini telah ditempatkan di pejabat Sultan yang terletak berhampiran dengan

Kes-kes murtad yang sering dikendalikan oleh Unit ini merupakan permohonan dari kalangan para muallaf, sama ada melalui panggilan telefon, aduan orang ramai atau hadir sendiri ke JAIS. Apabila aduan atau pengakuan diterima, maka pihak JAIS akan membuat siasatan. Unit yang akan membantu adalah Pejabat Agama Islam Daerah dan Pihak Penguatkuasaan JAIS. Apabila siasatan mengesahkan aduan ini benar, maka pihak JAIS akan memanggil pemohon ke pejabat atau pihak JAIS pergi mengunjungi pemohon untuk memberi khidmat rundingcara. Sesi runding cara dikendalikan oleh panel yang dilantik. Perunding yang dilantik adalah mengikut bangsa atau keturunan pemohon bagi memudahkan komunikasi dalam bahasa ibunda masing-masing.

Apabila kes ini berjaya dipulihkan maka kes akan ditutup, tetapi jika pemohon tetap berdegil untuk murtad, maka kes ini akan dirujuk ke Mahkamah Syariah. Namun demikian, sebelum tahun 2003, kes seperti ini tidak dapat dibicarakan kerana tiada bidang kuasa. Akibatnya, kedudukan kes ini dalam keadaan tergantung. Tetapi ada hakim yang mengambil langkah proaktif, dengan mengeluarkan perintah kepada pemohon supaya dipulihkan di Baitul Iman, walaupun tiada peruntukan yang jelas mengenainya.⁷

Istana Kota Klang setelah mendapat restu dan keizinan Baginda. Pembiayaan pengurusan adalah bersumberkan daripada peruntukan diraja. Setelah dirujuk susunan pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor berasaskan satu lawatan ke Jabatan Agama Islam Johor pada 1946, Undang-undang Tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947 meliputi hal penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Rentetan daripada perkembangan ini, tertubuhlah secara rasminya Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam pada bulan Januari 1948. Bangunan lama Kelab Diraja Selangor telah dipilih sebagai pejabat pentadbirannya, <http://www.jais.gov.my>, akses pada 10 Disember 2009.

⁷ Anuar Hamzah Tohar (Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor), temubual dibuat pada 3 November 2009.

Prosedur yang dinyatakan di atas hanyalah arahan pentadbiran dan tiada peruntukan undang-undang yang menyokong penguatkuasaannya. Oleh itu keberkesanan tindakan yang diambil banyak bergantung kepada kerjasama pemohon. Jika tidak, maka tiada tindakan undang-undang yang boleh diambil.

4.2.2 Bahagian Pemantapan Akidah, Jabatan Mufti Selangor.

Sebelum tahun 1996, Jabatan Mufti Negeri Selangor adalah salah satu bahagian yang terdapat di JAIS. Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Ketika itu Jawatan Mufti dikenali sebagai Sheikul Islam. Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan-Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia termasuk negeri Selangor.⁸ Bahagian Penasihat Akidah Jabatan Mufti Selangor ditubuhkan pada 20 Mei 2008. Bermula dari tarikh ini, semua kes murtad di negeri Selangor dikendalikan oleh Jabatan Mufti Selangor sebagaimana di Negeri Sembilan.


Jabatan Mufti Selangor menerima kes berdasarkan aduan orang awam. Aduan juga diterima dari Bahagian Undang-Undang Keluarga, Penguatkuasaan JAIS, Pejabat Agama Daerah atau Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Apabila aduan diterima, maka aduan ini akan dirujuk kepada Jawatankuasa Penasihat Akidah. Oleh itu pihak Jabatan Mufti akan melantik perunding di kalangan para pendakwah yang sesuai. Di samping itu, jadual pertemuan juga diatur bagi memudahkan perunding dan pemohon membuat pertemuan. Apabila sesi perundingan membuahkan hasil maka kes ini akan ditutup.

⁸ <http://www.muftiselangor.gov.my/>, akses pada 10 Disember 2009.

Tetapi jika, pemohon masih berdegil untuk murtad maka kes akan dirujuk kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk tindakan selanjutnya.

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa prosedur yang telah digunakan di bahagian Pembangunan MAIS dipindahkan ke Jabatan Mufti Selangor. Pada masa ini, Mahkamah Syariah sudah memiliki bidang kuasa untuk menerima permohonan murtad. Malangnya, peruntukan undang-undang yang ada hanya menjelaskan bidangkuasa tetapi tatacara pengendalian kes murtad tidak dinyatakan oleh undang-undang. Apa yang ada hanyalah arahan pentadbiran sahaja. Apabila masalah timbul, umpamanya pemohon enggan hadir di dalam sesi penasihat, maka Jabatan Mufti tidak boleh memaksa mereka untuk hadir. Akhirnya sebahagian aduan yang diterima tidak boleh diambil tindakan.⁹

Carta Aliran 4.3 : Proses Permohonan Murtad di Jabatan Mufti Negeri Selangor.



Sumber: Jabatan Mufti Negeri Selangor.

⁹ Darudin Bin Taib@Hassan (Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Selangor), temubual dibuat pada 25 November 2009.

4.2.3 Mahkamah Tinggi Syariah Selangor

Berdasarkan Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2 tahun 1989, Mahkamah Syariah Selangor ditubuhkan secara rasmi dan berasingan dari JAIS. Pada tahun 2003, nama Mahkamah Syariah Selangor telah ditukar kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) selaras dengan perkembangan dan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Penubuhan Mahkamah Syariah di Negeri Selangor adalah di bawah peruntukan Seksyen 55(1), 55(2), 55(3) dan 55(4) dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003.¹⁰

Permohonan pengisytiharan keluar agama Islam di Mahkamah Syariah dimulakan dengan pendaftaran di Mahkamah Tinggi Syariah. Kes didaftarkan sebagai kes *inter parti*. Oleh itu pihak pemohon akan menamakan pihak-pihak yang berkaitan seperti MAIS dan JAIS. Oleh itu pihak MAIS dan JAIS akan disaman sebagai defenden dalam kes ini.


Kes dimulakan dengan sebutan kes di Mahkamah Tinggi Syariah bagi menentukan dokumen-dokumen yang diperlukan adalah lengkap dan pihak-pihak yang disaman adalah berkaitan. Mahkamah boleh menggunakan kuasa budi bicaranya pada tahap ini untuk mengarahkan MAIS supaya membuat siasatan lebih lanjut dan membimbing pemohon supaya mereka jelas dengan permohonan yang dikemukakan dan

¹⁰ <http://www.jakess.gov.my/>, akses pada 10 Disember 2009.

kesan-kesannya. MAIS pula akan mengarahkan Bahagian Penasihat Akidah yang diletakkan di Jabatan Mufti Selangor untuk mengambil tindakan.

Selepas sesi penasihat dibuat oleh Jabatan Mufti Selangor, maka laporan hasil sesi penasihat tersebut hendaklah diserahkan kepada mahkamah. Berdasarkan laporan yang diterima dari Jabatan Mufti, pihak mahkamah akan memulakan perbicaraan seterusnya bagi menentukan kedudukan permohonan yang dikemukakan sama ada pemohon boleh diisytiharkan murtad atau tidak.

Carta Aliran 4.4: Proses Permohonan Kes Murtad di Mahkamah Tinggi Syariah



Sumber : Mahkamah Syariah Negeri Selangor.


4.2.4 Baitul Iman dan Baitul Ehsan

Matlamat penubuhan Baitul Iman¹¹ adalah untuk membendung masalah penyelewengan akidah. Maka antara fungsi utama agensi ini adalah untuk memulihkan penjenayah yang dikaitkan dengan kesalahan akidah termasuklah murtad. Semenjak ditubuhkan pada tahun 2000, Baitul Iman akan mengendalikan kes murtad sama ada penjenayah lelaki atau wanita. Namun demikian, bermula tahun 2009 penjenayah wanita ditempatkan di Baitul Ehsan. Penerimaan pelatih ke pusat ini dibahagikan kepada dua iaitu kemasukan pelatih dengan perintah mahkamah dan kemasukan pelatih secara sukarela.

Proses kemasukan pelatih dengan perintah mahkamah bermula dengan penyerahan waran atau perintah mahkamah kepada penguasa Baitul Iman. Selepas itu pelatih akan didaftarkan sebagai pelatih di Baitul Iman. Tempoh pelatih mengikuti sesi bimbingan adalah berdasarkan perintah mahkamah yang diterima. Sepanjang tempoh tersebut para pelatih akan mengikuti kelas bimbingan, latihan kemahiran, kaunseling dan penilaian. Laporan penilaian ke atas pelatih akan diserahkan kepada mahkamah setelah tempoh bimbingan tamat.

¹¹ Dicituskan oleh YB Dato' Hj. Hashim Meon - Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Pengerusi MAIS. Penubuhannya disebabkan perkembangan ajaran sesat amat ketara dan sebagai langkah susulan tindakan Penguatkuasaan. Penubuhannya tertakluk kepada Seksyen 53 dan seksyen 54 (1); Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9, 1995. Ia terletak di Ulu Yam Bharu, Hulu Selangor. Berkeluasan satu ekar merupakan sebahagian daripada keseluruhan kawasan kem JPG Markas II Briged Tengah seluas 5 ekar. Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman beroperasi sepenuhnya pada Januari 2000. <http://www.mais.net.my/>, akses pada 10 Disember 2009.


Carta Aliran 4.5 : Proses Kemasukan Pelatih ke Pusat Pemantapan Akidah dengan Perintah Mahkamah.



Sumber: Pusat Pemantapan Akidah Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.

Manakala kes kemasukan ke Baitul Iman secara sukarela bermula dengan proses permohonan melalui Bahagian Penguatkuasaan JAIS . Permohonan hendaklah disertakan dengan laporan Bahagian Penguatkuasaan JAIS, laporan Polis dan akuan sumpah mahkamah dari waris bahawa pelatih tersebut dimasukkan ke Baitul Iman secara sukarela. Pihak Baitul Iman akan menimbang permohonan tersebut sama ada ia boleh diterima atau tidak. Jika diterima, maka pelatih akan didaftarkan dan akan mengikuti sesi bimbingan seperti yang telah dijadualkan.

Carta Aliran 4.6 : Proses Kemasukan Pelatih ke Pusat Pemantapan Akidah Secara Sukarela.



Sumber: Pusat Pemantapan Akidah Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor.

Sepanjang berada di Baitul Iman, para pelatih akan mengikuti kelas bimbingan dari hari Isnin hingga Jumaat. Para pelatih akan dibimbing dalam bidang hafazan al-Qur'an, tauhid, *tahsinul ibadah*, sirah anbiya' dan *tahsinul akhlak*. Rohani mereka juga dimantapkan dengan aktiviti solat dhuha, bacaan ma'thurat atau manzil, zikir asmaul husna, bacaan yassin, dan aktiviti qiamullail. Manakala aktiviti fizikal meliputi kawad kaki, riadah, bersukan, bergotong royong, dan senam robik. Mereka juga dikehendaki menghadiri sesi kaunseling berkelompok dan individu.

Di samping itu, mereka juga didedahkan dengan aktiviti kemahiran seperti bengkel kraftangan, jahitan, dan masakan. Hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am, para pelatih melakukan aktiviti bebas di dalam pusat pemulihan. Walaubagaimanapun modul khas bagi menangani kes murtad masih belum dibangunkan kerana tiada kes murtad yang dimasukkan ke dalam pusat ini lagi.¹² Kes Abdul Kahar B. Ahmad¹³ yang mengaku sebagai nabi Melayu adalah kes pertama yang melibatkan akidah dari Mahkamah Syariah Selangor. Beliau hanya akan dirujuk ke pusat pemurniaan akidah setelah tempoh hukuman penjaranya tamat dalam masa enam bulan lagi.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa model yang digunakan bagi menangani isu murtad adalah berasaskan murtad sebagai kes sivil. Oleh itu ia banyak dipengaruhi dengan pendekatan yang digunakan di Negeri Sembilan. Ini kerana Negeri Sembilan adalah negeri pertama yang mengendalikan kes murtad sebagai kesalahan sivil. Perbezaan yang ketara antara Selangor dan Negeri Sembilan ialah Jabatan Mufti di Negeri Sembilan telah diperuntukkan undang-undang yang jelas mengenai permohonan murtad.

¹² Yuslan Bin Jamil (Timbalan Penguasa (Kaunseling), Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan), temubual dibuat pada 27 April 2010.

¹³ Abdul Kahar Ahmad, ketua ajaran sesat "Rasul Melayu", dijatuhi hukuman penjara 10 tahun, denda RM16,500 dan enam sebatan oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam selepas mengaku bersalah terhadap lima tuduhan pindaan mengikut Enakmen Jenayah Syariah Negeri (1995) Selangor. Hakim Syarie Abu Zaky Mohammad turut memerintahkan Abdul Kahar, 59, dihantar menjalani pemulihan di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman di Ulu Yam Baharu pada enam bulan terakhir pelaksanaan hukuman penjara itu. <http://www.bernama.com>, akses pada 30 April 2010.

4.3 Statistik Jenayah Murtad di Selangor

Kes murtad mula dikesan pada tahun 1960an lagi.¹⁴ Namun ia mula dibincangkan secara meluas pada tahun 1990an.¹⁵ Berdasarkan pengalaman penulis sendiri semasa bertugas di JAIS sekitar tahun 1994-1995. Di kala itu pihak Jabatan Pendaftaran Negara memohon ulasan JAIS mengenai permohonan pertukaran nama di kalangan orang Islam kepada nama bangsa asing. Walaupun pertukaran nama tiada kaitan dengan pertukaran agama tetapi menjadi *'urf* di Malaysia bertukar nama Melayu kepada nama bangsa asing, bermakna bertukar agama. Keadaan ini timbul kerana Melayu mesti beragama Islam seperti yang dikanunkan di dalam Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan.

Tindakan JAIS pada masa itu adalah tidak menyokong permohonan pertukaran nama. Semasa bertugas sebagai pegawai Tadbir Agama Daerah Klang pada tahun 1995 hingga 1998, penulis dikunjungi seorang wanita memohon sokongan pertukaran nama. Pemohon dilahirkan Islam tetapi dibesarkan dengan agama Kristian oleh neneknya. Pengalaman penulis selari dengan pengakuan Encik Sathia Seelan a/l Arumugam bahawa

¹⁴ Khususnya pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negara khususnya di Australia. Sila lihat Abdullah Fahim, "Gejala Murtad Di Malaysia: Apakah Penyelesaiannya", Forum Bicara Tokoh Ini, anjuran Steadfast dan LTU di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, pada 30 Mac 1998.

¹⁵ Kelab Umno United Kingdom menyatakan lebih kurang 41 orang pelajar Malaysia telah murtad dan memeluk agama lain. Sila lihat "Pelajar Murtad", Dunia Islam, Kuala Lumpur, Peberbitan Zin Julai 1992, hh. 10 -11; Hartina Kamarudin murtad dan dilaporkan berkahwin dengan J. Rajeswaran pada 24 Mac 1996, lihat *Harakah*, 13 September, 1996:1 "Aqidah Tina Tidak Selamat"; *al-Islam*, Oktober, 2009, hh. 15-17 "Sanggup korbankan anak kerana akidah"; Kes Norfazilah Abdul Aziz Murtad setelah melarikan diri dari keluarga, lihat *Harakah*, 27 September, 1996:32 "Seorang Lagi Gadis Murtad"; Siti Salma binti Md Yassin murtad pada 24 Ogos 1996 di Jabatan Pendafrtan Negara, lihat *Harakah*, 18 Oktober, 1996:29.

dia telah menguruskan permohonan pertukaran nama teman wanitanya (sekarang adalah isterinya), Sarajan Bibi Din a/p Din Mohamad kepada agama Hindu pada tahun 1991.¹⁶

Sebelum tahun 2008, semua kes murtad dikendalikan oleh Unit Ukhuwah JAIS dan kemudiannya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Selepas tahun 2008, semua kes murtad dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Pemantapan Akidah, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Oleh itu, rekod murtad di negeri Selangor boleh dirujuk di Bahagian Pembangunan Insan MAIS, Bahagian Undang-Undang MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Namun demikian, maklumat dari Jabaan Mufti Negeri Selangor tidak dapat diperolehi di atas asas keselamatan.

4.3.1 Bahagian Pembangunan Insan MAIS

Berdasarkan rekod yang diperolehi di Bahagian Pembangunan Insan MAIS, kes permohonan murtad dibahagikan kepada dua, iaitu kes mahkamah dan di luar mahkamah. Pengasingan jenis kes ini hanya berlaku apabila sesuatu kes berjaya atau tidak berjaya dipulihkan. Oleh itu pada peringkat awal kes ini hanya dikenali sebagai kes murtad dan cara pengendalian setiap kes adalah sama. Namun jika ia gagal dibantu maka kes tersebut akan dipanjangkan ke Mahkamah Tinggi Syariah, Selangor untuk tindakan selanjutnya.

¹⁶ Sathia Seelan a/l Arumugam (pekerja Kilang Toshiba, Telok Panglima Garang Selangor), temubual dibuat pada 2 April 2010.

Jadual 4.7 : Permohonan Murtad ke Mahkamah.

Tahun	Pemohon	Jantina		Bangsa		
		Lelaki	Wanita	India	Cina	Lain-lain
2003	1	-	1	-	1	-
2004	3	1	2	2	-	1
2005	6	4	2	5	1	-
2006	11	2	9	6	4	1
2007	5	1	4	5	-	-
Jumlah	26	8	18	18	6	2

Sumber : Bahagian Pembangunan Insan , MAIS.

Kes Mahkamah adalah kes murtad yang dirujuk oleh Bahagian ini ke Mahkamah Tinggi Syariah kerana pemohon tidak berjaya dipulihkan. Maklumat dalam Jadual 4.7 menunjukkan bahawa dari tahun 2003 hingga 2007 sebanyak 26 kes telah dipanjangkan ke Mahkamah Tinggi Syariah, Selangor oleh Bahagian Pembangunan Insan MAIS. Sepanjang tempoh tersebut, tahun 2006 menunjukkan jumlah permohonan tertinggi iaitu sebelas permohonan. Manakala pemohon di kalangan kaum wanita adalah yang paling tinggi iaitu 18 permohonan. Dari sudut bangsa, orang Islam dari kalangan masyarakat India yang paling ramai memohon murtad iaitu seramai 18 orang berbanding dengan kaum Cina hanya 6 orang, dan bangsa lain 2 orang sahaja.

Kes luar Mahkamah pula bermaksud kes-kes murtad yang dikendalikan di peringkat Bahagian Pembangunan Insan MAIS sahaja dan tidak dipanjangkan ke Mahkamah. Rekod menunjukkan kes luar mahkamah dari tahun 2006-2008 sebanyak 30 kes.¹⁷

¹⁷ Rekod dari tahun 2006 hingga 2008 sahaja yang diperolehi. Untuk makluman, Bahagian Pembangunan Insan ditubuhkan pada bulan April tahun 2005 dan sebelumnya dikenali sebagai Unit Ukhuwwah, Jabatan Agama Islam Selangor.

Jadual 4.8 : Permohonan Murtad di Bahagian Pembangunan Insan MAIS.

Tahun	Pemohon	Jantina		Bangsa		
		Lelaki	Wanita	India	Cina	Lain-lain
2006	2	1	1	2	-	-
2007	16	8	8	10	3	3
2008	12	8	4	8	4	-
Jumlah	30	17	13	20	7	3

Sumber : Bahagian Pembangunan Insan , MAIS.

Maklumat dalam Jadual 4.8 pula menunjukkan bahawa Bahagian Pembangunan Insan MAIS menerima 30 permohonan murtad di luar mahkamah. Jumlah ini pasti lebih tinggi jika data dari tahun 2003 hingga 2005 diperolehi. Namun, persoalan tinggi atau rendah bukan isu yang hendak diketengahkan dalam kajian ini tetapi apa yang lebih penting ialah kejadian murtad dibuktikan telah berlaku di negeri Selangor . Jika jumlah permohonan adalah tinggi maka kebimbangan semakin tinggi dan jika jumlah permohonan rendah pun, tindakan mesti diambil kerana murtad adalah jenayah terbesar di dalam Islam. Maklumat di atas juga menunjukkan bahawa permohonan lelaki mengatasi wanita dengan perbezaan sebanyak 4 permohonan iaitu lelaki 17 dan wanita 13.

Perbezaan ini tidak menunjukkan jurang yang tinggi tetapi menggambarkan bahawa murtad telah berlaku di kalangan orang Islam sama ada lelaki atau wanita. Namun demikian dari sudut bangsa, seramai 20 orang bangsa India memohon murtad, bangsa Cina seramai 7 orang, dan lain-lain seramai 3 orang. Ini menunjukkan masalah murtad di kalangan bangsa India yang beragama Islam adalah lebih tinggi berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Apa yang menghairankan tiada permohonan di kalangan orang Melayu direkodkan.

4.3.2 Bahagian Undang-undang MAIS

Jadual 4.9 : Rekod Permohonan Murtad ke Mahkamah Syariah dari Tahun 2004 hingga 2009 di Bahagian Undang-undang MAIS.

Tahun	Pemohon	Jantina		Bangsa		
		Lelaki	Wanita	India	Cina	Lain-lain
2004	4	1	3	1	3	-
2005	6	3	3	4	2	-
2006	14	4	10	8	6	-
2007	10	4	6	7	3	-
2008	9	4	5	6	3	-
2009	15	4	11	5	7	3
Jumlah	58	20	38	31	24	3

Sumber : Bahagian Undang-undang MAIS.

Rekod yang ditemui di Bahagian Undang-Undang MAIS (Jadual 4.9) juga menunjukkan bahawa kes murtad telah berlaku di negeri Selangor. Rekod menunjukkan bahawa dari tahun 2004 hingga 2009 sebanyak 58 kes murtad telah berlaku. Dalam tempoh tersebut tahun 2009 menunjukkan permohonan yang paling tinggi berbanding tahun-tahun lain.

Namun demikian permohonan didominasi oleh permohonan wanita sebanyak 38 kes. Begitu juga dari sudut bangsa, kaum India mengatasi kaum lain iaitu sebanyak 31 kes dan diikuti bangsa Cina sebanyak 24 kes. Walaubagaimanapun data bangsa Melayu yang murtad masih belum ditemui.

Rekod di Bahagian Undang-Undang MAIS (Jadual 4.10) juga menunjukkan kes murtad telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya. Sehingga tahun 2007 sebanyak 7 kes telah direkodkan. Walaupun pada tahun 2003 Mahkamah Tinggi Syariah telah diberi

bidangkuasa untuk membicarakan kes murtad tetapi masih ada permohonan yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi Malaya. Apa yang nyata, permohonan ini adalah untuk mendapatkan pengisytiharan murtad.

Jadual 4.10 : Rekod Permohonan Murtad ke Mahkamah Tinggi Malaya dari Tahun 2002 hingga 2007 di Bahagian Undang-undang MAIS.

Tahun	Pemohon	Jantina		Bangsa		
		Lelaki	Wanita	India	Cina	Lain-lain
2002	1	1	-	-	-	1
2003	2	-	2	-	1	1
2004	-	-	-	-	-	-
2005	-	-	-	-	-	-
2006	1	1	-	1	-	-
2007	3	-	3	3	-	-
Jumlah	7	2	5	4	1	2

Sumber: Bahagian Undang-undang MAIS.

Namun demikian permohonan dari kaum wanita dan bangsa India tetap tinggi. Sama seperti dari bahagian Pembangunan Insan dan Bahagian Undang-Undang MAIS.

4.3.3 Mahkamah Tinggi Syariah.

Penelitian terhadap rekod pendaftaran murtad di Mahkamah Tinggi Syariah, Shah Alam (Jadual 4.11) juga menunjukkan kejadian murtad telah berlaku. Apabila Mahkamah Tinggi diberi bidangkuasa pada tahun 2003 untuk membicarakan kes murtad, sebanyak 8 permohonan diterima pada tahun 2004. Sehingga awal tahun 2009 sebanyak 51 kes telah didaftarkan. Rekod di Mahkamah juga menunjukkan permohonan di kalangan wanita masih tinggi berbanding lelaki iaitu 35 pemohon wanita dan 16 pemohon lelaki. Begitu juga penganut agama Hindu yang lazimnya dari bangsa India menunjukkan jumlah

permohonan yang tinggi iaitu 23 dari 51 permohonan yang diterima. Namun ada dapatan yang menarik di mahkamah iaitu 8 permohonan diterima dari pemohon yang bukan di kalangan muallaf. Justeru kes murtad di negeri Selangor bukan hanya merujuk kepada para muallaf tetapi telah merebak di kalangan asal Islam.

Jadual 4.11 : Rekod Permohonan Murtad di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dari Tahun 2004 hingga awal 2009.

Tahun	Pemohon	Jantina		Agama			
		Lelaki	Wanita	Hindu	Buddha	Kristian	Islam
2004	3	1	2	2	-	-	1
2005	10	5	5	4	4	1	1
2006	14	4	10	2	5	3	4
2007	10	2	8	5	1	2	2
2008	9	4	5	7	1	1	-
2009	5	-	5	3	1	1	-
Jumlah	51	16	35	23	12	8	8

Sumber: Temubual dengan Zainor Rashid Hassin, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

Berasaskan dari maklumat yang diperolehi dari tiga sumber di atas jelas menunjukkan bahawa kes murtad telah berlaku di negeri Selangor, walaupun maklumat atau data yang diperolehi berbeza-beza. Ini kerana fokus atau tumpuan setiap bahagian berbeza-beza maka jumlah kes yang direkodkan juga berbeza-beza. Walaubagaimanapun perbezaan ini bukanlah isu utama dalam penyelidikan ini kerana ia lebih kepada isu pentadbiran rekod dan penyelarasn pentadbiran agensi dibawah MAIS. Data ini membuktikan bahawa jenayah murtad telah berlaku dan semuanya dikendalikan berasaskan kes sivil. Data juga menunjukkan kes murtad semakin meningkat. Umpamanya pada tahun 2004 hanya 4 kes direkodkan di Bahagian Undang-Undang MAIS. Tetapi pada tahun 2009 15 kes telah dicatatkan. Oleh itu kes ini sewajarnya dipandang serius dan tindakan yang tegasnya hendaklah diambil.

Jadual 4.12 : Rekod Permohonan Murtad di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor dari Tahun 2004 hingga awal 2009 .

Tahun	Pemohon	Selesai			Tindakan		
		Ditolak	Tarik balik	Buang kes	Daftar	Sebutan	Bicara
2004	3			3			
2005	10			5		5	
2006	14		1	3		6	4
2007	10	3		3		4	
2008	9	1		1	1	6	
2009	5		1			4	
Jumlah	51	4	2	15	1	25	4

Sumber: Temubual dengan Zainor Rashid Hassin, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah, Negeri Selangor.

Kegagalan pihak berkuasa negeri Selangor menyediakan peruntukan undang-undang murtad yang jelas menyebabkan banyak kes murtad yang tertangguh dan belum diselesaikan melalui peruntukan undang-undang. Merujuk jadual 4.12, walaupun 21 kes yang dikategorikan telah selesai, tetapi ia adalah disebabkan 4 kes ditolak, 2 kes ditarik balik dan 15 kes dibuang. Keadaan ini tidak menggambarkan makna penyelesaian kes murtad yang tuntas dari sudut perundangan murtad. Ini kerana pemohon boleh memperbaiki permohonan mereka dan memohon semula ke Mahkamah Tinggi Syariah.

Di samping itu 30 kes yang memenuhi syarat untuk dibicarakan masih pada tahap sebutan atau perbicaraan walaupun kes tersebut telah didaftarkan semenjak tahun 2005. Semenjak tahun 2005 hingga 2009 sebanyak 25 kes masih di peringkat sebutan dan 4 kes masih di peringkat perbicaraan. Kelewatan kes ini adalah kerana tiada undang-undang

dan tatacara yang jelas mengenai pengendalian kes murtad.¹⁸ Oleh itu para hakim dan peguam tidak mempunyai panduan yang jelas dalam mengendalikan kes ini.

4.3.4 Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman

Jadual 4.13: Jumlah Pelatih Mengikut Kategori dari Tahun 2000 hingga Mac 2010.

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Penyelewengan akidah	10
2.	Cubaan murtad	7
3.	Hamil dengan pasangan bukan Islam	8
4.	Khalwat	33
5.	Ancaman keselamatan dari bukan Islam	6
6.	Kurang pemahaman akidah/sosial	84
7.	Krisis dalam keluarga	26
8.	Lari dari rumah dengan pasangan/ ponteng/ sekolah/ gejala sosial	22
9.	Bimbingan kepada muallaf yang ingin kembali kepada agama asal	21
Jumlah		216

Sumber: Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Data dalam Jadual 4.13 menjelaskan bahawa semenjak Baitul Iman ditubuhkan hanya 7 kes sahaja yang dikaitkan dengan cubaan murtad. Manakala 10 kes berkaitan dengan penyelewengan akidah seperti ajaran sesat. Walaubagaimanapun kes ini bukanlah kes yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah Selangor tetapi hanya arahan pentadbiran sahaja. Ia berpunca dari ketiadaan peruntukan undang-undang murtad di negeri Selangor. Apabila Mahkamah Syariah tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengeluarkan perintah *istitābah* maka tiada kes murtad yang dirujuk ke Pusat Pemulihan Akidah. Hanya ada satu sahaja kes murtad yang dirujuk oleh Mahkamah Syariah iaitu kes Fatimah Tan. Tetapi ia kes dari Mahkamah Syariah Melaka bukan dari Selangor.

¹⁸ Zainor Rashid Bin Hassin, *op.cit.*

Sepanjang 10 tahun penubuhannya, Baitul Iman ada menerima pelatih cubaan murtad sebanyak 7 kes dengan purata 0.7 kes setahun. Jumlah yang terlalu kecil ini, menyebabkan Baitul Iman hampir ditutup pada peringkat awal penubuhan, kerana tiada pelatih yang perlu dibimbing.¹⁹ Oleh itu, MAIS telah meluaskan peranan Baitul Iman kepada menangani masalah sosial yang berlaku di kalangan orang Islam. Justeru, Mahkamah Syariah memerintahkan kepada penjenayah syariah seperti jenayah khalwat, mengikuti latihan di pusat ini kerana mengambil kira kekurangan kefahaman Islam menyebabkan mereka melakukan kesalahan moral.²⁰

Jadual 4.14: Jumlah Kemasukan Pelatih Mengikut Kategori dari Tahun 2000 – 2010.

Tahun	Mahkamah	Perlindungan	Sukarela
2000	2	-	-
2001	2	8	2
2002	1	9	3
2003	1	5	2
2004	2	-	3
2005	2	2	20
2006	2	3	22
2007	2	-	39
2008	1	1	32
2009	16	1	34
8.3.2010	6	1	8
Jumlah	37	30	165

Sumber: Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Data dalam Jadual 4.14 menunjukkan bahawa kebanyakan pelatih mengikuti bimbingan Baitul Iman adalah secara sukarela. Semenjak tahun 2000, seramai 165 orang pelatih mengikuti bimbingan di Baitul Iman secara sukarela. Manakala kes mahkamah

¹⁹ Yuslan Bin Jamil (Timbalan Penguasa (Kaunseling), Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan), temubual dibuat pada 27 April 2010.

²⁰ *Ibid.*

hanya 37 orang sahaja. Berdasarkan rekod yang ada, semua kes mahkamah ini adalah kesalahan yang berkaitan dengan masalah sosial dan bukan kesalahan akidah atau murtad. Senario ini menyebabkan pihak MAIS atau Baitul Iman tidak terdesak untuk menyediakan modul khas bagi kesalahan akidah atau murtad kerana tiada kes yang perlu dikendalikan.

Data ini diketengahkan bagi membuktikan bahawa kegagalan pihak berwajib menggubal undang-undang yang lengkap menyebabkan institusi yang ada gagal dimanfaatkan sepenuhnya. Malah Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah meluluskan dana zakat untuk digunakan bagi memulihkan orang murtad.²¹

4.4 Hukuman Murtad

Merujuk kepada perbincangan sebelum ini, jelas menunjukkan bahawa negeri Selangor di pasca kemerdekaan masih tidak memperuntukkan hukuman murtad. Namun demikian Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 ada memperuntukkan beberapa kes yang dikategorikan sebagai kesalahan akidah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan murtad sama ada secara iktikad, ucapan atau perbuatan, iaitu :

²¹ Keputusan Fatwa bagi tahun 2008, Bil. 5/2008 pada 2 Disember 2008 berkenaan penggunaan wang zakat bagi membiayai kos berkaitan kes permohonan perisytiharan murtad dalam proses *istitabah* di Baitul Iman, iaitu :

- i. Harus menggunakan wang zakat untuk membiayai perbelanjaan berkaitan kes permohonan perisytiharan murtad dalam proses *istitabah* di Baitul Iman;
- ii. Sekiranya pemohon masih dalam tempoh muallaf (5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf muallaf;
- iii. Sebaliknya jika pemohon telah melebihi tempoh muallaf (melebihi 5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf fi sabilillah.

<http://www.muftiselangor.gov.my>, akses pada 1 Disember 2010.

a. Iktikad.

i. Doktrin Palsu.

“Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu bertentangan dengan Hukum Syara' atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.”²²

Berdasarkan peruntukan di atas, maka seseorang yang disabitkan dengan doktrin palsu boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

ii. Dakwaan Palsu.

“Mana-mana orang yang-

(a) mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali; atau

(b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia,

sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu serta bertentangan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”²³

²² Seksyen 7, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

²³ Seksyen 8, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Peruntukan ini ada kaitan dengan kes *Ketua Pendakwa v Abdul Kahar Ahmad*.²⁴ Orang Kena Tuduh (OKT) dalam kes ini membuat pengakuan terbuka mendakwa beliau dilantik Tuhan sebagai rasul khusus untuk orang Melayu serta mempunyai syafaat menjamin pengikutnya masuk syurga. Walaupun kes ini disabitkan dengan kesalahan membawa ajaran sesat tetapi jika diperhalusi, OKT bukan sahaja sesat tetapi boleh menyebabkan murtad kerana mengaku menjadi nabi dan boleh memberi syafaat kepada pengitnya untuk masuk syurga.

b. Ucapan.

i. Mendakwa bukan Islam untuk mengelak tindakan.²⁵

*“Mana-mana orang yang mendakwa dirinya bukan orang Islam untuk mengelakkan apa-apa tindakan diambil terhadap dirinya di bawah Enakmen ini atau mana-mana Enakmen lain yang berkuatkuasa di Negeri ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”*²⁶

Peruntukan ini menjelaskan bahawa seseorang yang mengisytiharkan dirinya sebagai bukan Islam bagi mengelak didakwa di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah melakukan kesalahan dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Namun demikian ia juga memberikan kesan kepada status akidahnya. Jika OKT mempertahankan tindakannya dengan mengisytiharkan dirinya murtad, maka ia boleh dikategorikan sebagai murtad dengan lisan. Sedangkan murtad dengan lisan boleh diterima sebagai pengakuan telah murtad dan bersalahan dengan kehendak syariah.

²⁴ *Ketua Pendakwa v Abdul Kahar Ahmad* MAIS/PM/BUU/01-2/011/1-70.

²⁵ Seksyen 7, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Terengganu) 2001.

²⁶ Seksyen 6, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

ii. *Takfir*²⁷.

“Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang mengatakan atau mengaitkan melalui kata-kata, sama ada secara lisan atau tulisan, atau dengan isyarat, atau dengan gambaran tampak, atau dengan apa-apa perbuatan, kegiatan atau kelakuan, atau dengan mengelolakan, menganjurkan atau mengaturkan apa-apa kegiatan, atau selainnya dengan apa-apa jua cara, bahawa mana-mana orang yang menganuti agama Islam, atau orang-orang yang tergolong dalam mana-mana kumpulan, kelas atau perihalan orang yang menganuti agama Islam-

(a) adalah orang kafir;

(b) telah berhenti menganuti agama Islam;

(c) tidak patut diterima, atau tidak dapat diterima sebagai menganuti agama Islam; atau

(d) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam agama Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.²⁸

Peruntukan ini juga berkaitan dengan isu murtad. Tambahan pula fitnah yang lahir dari perbuatan ini adalah besar kesannya terhadap kehidupan masyarakat Islam. Namun yang menghairankan, *takfir* dikategorikan sebagai jenayah. Sedangkan *takfir* adalah cabang (*furū'*) dalam kes murtad. Oleh itu mendahulukan perkara yang *furū'* dan meninggalkan yang *uṣūl* adalah suatu yang berlawanan dengan *maqāsid shari'yyah*. Begitu juga dalam *fiqh aulāwiyyāt*. Tambahan pula tiada sekatan undang-undang di Malaysia untuk membolehkan undang-undang murtad digubal. Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan hanya menghalang jika ada pertembungan antara undang-undang negeri dan

²⁷ Seksyen 38, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001; Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996; Seksyen 68, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991; Seksyen 31, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 24 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 1988; Seksyen 28, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001 dan Seksyen 23, Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991.

²⁸ Seksyen 6, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

persekutuan. Murtad tidak pernah dinyatakan dalam undang-undang jenayah persekutuan sebagai suatu jenayah.

Oleh itu tiada pertentangan yang wujud. Melainkan untuk menjatuhkan hukuman bunuh dalam kes murtad, kerana bidangkuasa Mahkamah Syariah dihadkan dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965. Jika kembali kepada kaedah “*tidak dapat semua jangan tinggal semua*,” maka sewajarnya undang-undang murtad hendaklah digubal, manakala hukumannya mengikut bidangkuasa yang ada.

iii. Mempersendakan ayat *al-Qur’ān* dan *al-Ḥadith*.

“Mana-mana orang yang, dengan kata-katanya atau perbuatannya, mempersendakan, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat al-Qur’ān atau hadith adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”²⁹

Perbuatan mencemuh, mempersenda, menghina dan memandang rendah ayat *al-Qur’ān* dan hadis juga boleh menyebabkan murtad. Perbuatan ini secara langsung melanggar kewajipan beriman dengan *al-Qur’ān* dan *al-sunnah*. Jika dibuktikan bahawa mereka bukan sahaja mempersenda tetapi tidak mempercayai kandungan *al-Qur’ān*, maka ia boleh menyebabkan murtad.

²⁹ Seksyen 9, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

iv. Menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam.

“Mana-mana orang yang dengan perkataan yang dapat didengar atau dibaca atau dengan lukisan, tanda atau bentuk lain gambaran yang tampak atau yang dapat dilihat atau dengan apa-apa cara lain:-

(a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;

(b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau

(c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Negeri ini yang berhubungan dengan agama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”³⁰

Peruntukan di atas juga berkaitan dengan kesalahan riddah. Perbuatan menghina agama Islam sehingga tidak menyakini ajaran Islam boleh menyebabkan berlakunya riddah.

c. Perbuatan.

i. Pemujaan salah.

“ Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”³¹

Peruntukan ini boleh menyebabkan pelaku disabitkan jenayah murtad. Ini kerana perbuatan dengan sengaja menyembah selain Allah S.W.T adalah petunjuk yang asasi

³⁰ Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

³¹ Seksyen 4, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

bahawa seseorang tidak lagi menganut agama Islam. Sedangkan murtad juga boleh disabitkan dengan perbuatannya seperti menyembah berhala, menyembah tugu dan lain – lain dengan iktikad bahawa yang disembah itu adalah tuhan yang sebenar dan bukan Allah S.W.T. Namun, jika dia masih berkeyakinan bahawa Allah S.W.T adalah tuhan yang sebenar tetapi mempersekutukannya dengan sembah lain, maka ia jatuh syirik.

Terdapat enakmen yang memperuntukkan undang-undang dan hukuman murtad secara khusus iaitu seksyen 23 Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah II, (Kelantan) 1993.

“(3)Sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan irtidad hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman ke atasnya dikehendaki oleh Mahakamah supaya bertaubat dalam tempoh tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati salah.

(3) Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih lagi berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka Mahakamah hendaklah mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas untuk dipegang bagi keperluan Baitul Mal:

Dengan Syarat bahawa sekiranya dia bertaubat sama ada sebelum dijatuhkan hukuman bunuh ke atasnya atau selepas dijatuhkan hukuman ke atasnya tetapi sebelum dijalankan lagi hukuman itu, maka hendaklah dia terlepas daripada hukuman bunuh dan hartanya yang dihukum rampas itu hendaklah dipulangkan kepadanya:

Dengan syarat selanjutnya bahawa dia hendaklah dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.”

Manakala seksyen 26 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu 2002, menyatakan :

26 (1) *“Sesiapa yang disabit melakukan kesalahan irtidad hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman ke atasnya dikehendakki oleh Mahkamah supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati bersalah.*

(2) *Sekiranya dia enggan dan masih lagi berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka Mahkamah hendaklah mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas dan pegang oleh Baitulmal.”*

Kedua-dua enakmen ini ada menyebut bahawa sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan *irtidad*, hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari. Setelah dia didapati bersalah dan sekiranya dia enggan bertaubat, maka mahkamah boleh mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya. Namun jika dia bersetuju untuk bertaubat maka mahkamah boleh memenjarakannya selama lima tahun sebagai hukuman kerana cubaan untuk murtad.

4.5 Pasca Murtad

Keadilan yang diberikan oleh Islam bukan sahaja kepada penjenayah tetapi mangsa jenayah juga diberi perhatian malah lebih diutamakan. Justeru mangsa jenayah murtad seperti isteri, anak-anak, waris terdiri dari ibu bapa dan kaum keluarga serta harta yang ditinggalkan juga mestilah diambil perhatian. Namun demikian, pihak MAIS dan JAIS sehingga hari ini tiada menetapkan apa-apa peraturan atau prosedur untuk berhadapan dengan isu ini. Alasan yang diberikan adalah tiada kes murtad yang diputuskan di Mahkamah Syariah di negeri Selangor.

Oleh itu tiada keperluan untuk mewujudkan mekanisma menangani isu ini. Malah ada yang berpendapat bahawa dengan mewujudkan mekanisma menangani isu pasca murtad dilihat sebagai megalakkan orang ramai murtad.³² Jelasnya, 51 kes sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Namun sikap berpeluk tubuh MAIS dan JAIS amat membimbangkan. Sehingga penyelidikan ini disiapkan, MAIS dan JAIS sedang berusaha menyediakan peraturan murtad yang bersesuaian, melalui siri bengkel dan wacana yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti dan MAIS.

Merujuk kepada kes Mohan Singh atau Mohd Azri Abdullah, setelah Mahkamah Syariah mengesahkan bahawa beliau seorang beragama Islam maka, MAIS memohon kepada Mahkamah Syariah supaya MAIS diberi kuasa untuk menguruskan harta si mati. Tindakan yang telah diambil ialah MAIS menyerahkan harta si mati kepada warisnya sebagai hadiah. Namun demikian tidak semua harta diberikan. Alasan pemberian ini adalah untuk menjaga *maṣlahah* iaitu mewujudkan keharmonian beragama dan menunjukkan keadilan Islam.³³ Kes ini adalah kes pemelukan Islam. Namun ia boleh dirujuk mengenai kes murtad, kerana isu yang sama iaitu keluar agama. Tambahan pula dari segi fiqh, harta seseorang yang keluar dari Islam hendaklah diambil alih oleh baitulmal. Maka baitulmal akan menguruskan harta tersebut bagi memastikan mangsa murtad tidak terabai dan mengalami kesusahan selepas berlaku perceraian kerana murtad.

Seksyen 7, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 memperuntukkan;

³² Nurhani Salwa Binti Jamaludin, *op.cit.*

³³ Nurhani Salwa Binti Jamaludin, *ibid.*

”(1) Sesuatu perkahwinan di Negeri Selangor hendaklah mengikut peruntukan Enakmen ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh—

(a) wali di hadapan Pendaftar;

(b) wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar; atau

(c) sebagai wakil wali.

(2) Jika sesuatu perkahwinan itu melibatkan seorang wanita yang tiada mempunyai wali dari nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.”

Peruntukan ini secara tidak langsung menggugurkan hak seorang wali yang murtad untuk menikahkan seorang wanita kerana hukum syarak meletakkan syarat Islam kepada seorang wali. Oleh itu di dalam seksyen 7 (2) menetapkan bahawa wanita yang tidak berwali akan dinikahkan menggunakan wali Raja.

Manakala Seksyen 46(1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor)

2003 memperuntukkan:

“Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan itu murtad atau memeluk sesuatu kepercayaan lain daripada Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuat kuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.”³⁴

Peruntukan ini jelas menyatakan bahawa seseorang tidak akan terubur perkahwinannya kecuali dengan pengesahan dari mahkamah mengenai kemurtadannya. Secara tidak langsung, peruntukan ini menyatakan bahawa jika mahkamah mengesahkan kemurtadannya maka tercerailah pasangan ini. Namun demikian tidak dinyatakan apakah

³⁴ Seksyen 46, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

yang perlu dilakukan oleh mahkamah apabila seseorang itu telah disabitkan kemurtadannya selain menceraikan pasangan tersebut.

Terdapat satu kes di Terengganu iaitu permohonan *Ex-parte* Zaimas (1995) 9 JH 204, pemohon telah mengemukakan permohonan pengesahan cerai di luar mahkamah. Kemudian mahkamah menerima bukti bahawa Mahkamah Kadhi Daerah Johor Bharu telah mengisytiharkan suami pemohon telah murtad. Oleh itu mahkamah membubarkan perkahwinan mereka.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 juga memperuntukkan bahawa :

*”Mana-mana orang yang tidak suka akan suami atau isterinya dan dengan perdayaan cuba menjadikan dirinya murtad untuk membatalkan perkahwinannya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum penjara tidak melebihi setahun”.*³⁵

Peruntukan ini menghalang para suami atau isteri memperdaya pasangan mereka dengan pengakuan murtad bagi menceraikannya. Dengan kata lain bahawa seseorang mendakwa dirinya murtad bagi membolehkan perceraian berlaku sedangkan pada hakikatnya dia tidak murtad.³⁶ Oleh itu ia disebut “memperdayakan”.

Apabila suami murtad dan mahkamah membubarkan perkahwinan, maka mahkamah hendaklah menentukan hak mut’ah bekas isteri sebagaimana yang

³⁵ Seksyen 131, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

³⁶ *Mohamed Habibullah bin Mahmood v. Faridah bte Dato’ Taib* [1993] 1 CLJ 264

diperuntukkan dalam seksyen 58, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003:

“Selain daripada haknya untuk memohon nafkah, seseorang wanita yang telah diceraiakan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mut’ah atau pemberian saguehati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa wanita itu telah diceraiakan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.”

Begitu juga nafkah ‘iddah kepada isteri yang diceraiakan. Ini dinyatakan di dalam seksyen 60, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003:

“(1) Tertakluk kepada Hukum Syarak Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.”

Namun demikian, jika pihak isteri yang murtad maka suami tidak perlu memberi mut’ah dan nafkah eddah kepada isterinya kerana perkara ini tidak diperuntukkan oleh hukum syarak.

Manakala seksyen 84 (d) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, memperuntukkan:

*”Hak seseorang wanita terhadap hadhanah adalah hilang—
(d) jika wanita itu murtad;”³⁷*

Ibu bapa yang murtad akan hilang hak penjagaan anak-anak. Perkara ini dibaca bersama dengan seksyen 83 (a) dan 83 (d) dan (e) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, yang menekankan perihal pentingnya akhlak dan keperibadian

³⁷ Seksyen 84(d), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

penjaga kerana ia boleh menjadi ikutan anak yang berada dibawah penjagaannya.³⁸ Pandangan ini bersesuaian dengan pandangan al-Nawāwī.³⁹ Namun demikian mazhab Ḥanāfi,⁴⁰ Māliki⁴¹ dan Zāhiri⁴² berpendapat orang bukan Islam berhak ke atas penjagaan kanak-kanak beragama Islam dari kalangan ahli keluarganya, jika mereka tidak mempengaruhi anak tersebut untuk keluar dari agama Islam.

Seksyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 pula memperuntukkan pembahagian harta sepencarian:

“(1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

³⁸ Seksyen 84 (d)(b) (e) dan seksyen 83 (d), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perak) 2004, dan lain-lain negeri.

³⁹ al-Nawāwī, Mahyudin Syarf (t.t.), *Rawdat al-Tālibin wa ‘Umdat al-Muftin*, j. 2, Beirut: al-Maktabah, h. 99.

⁴⁰ al-Sarakhsī, Syam al-Dīn, (1986), *al-Mabsūt*, j. 5, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 210.

⁴¹ al-Dusūqī, Syams al-Dīn Muḥammad, Irfah, (t.t.), *Hasyiyah al-Dusūqī ‘alā al-Syarh al-Kabīr*, j. 2, Beirut: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 529.

⁴² Ibn Hazm, Abu Muḥammad ‘Alī b. Ahmad b. Said b. Hazm (t.t.), *al-Muhallā*, j. 10, Kaherah: Dār al-Turath, h. 323.

(3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada—

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;

(b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

(4) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.”

Merujuk kepada seksyen di atas, apabila Mahkamah Syariah mengisytiharkan pasangan yang bercerai kerana murtad, maka Mahkamah boleh menentukan pembahagian harta sepencarian bagi memastikan para isteri yang menjadi mangsa murtad mendapat pembelaan di Mahkamah Syariah.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 telah memperuntukkan undang-undang yang jelas bagi menangani isu-isu kekeluargaan apabila berlaku murtad. Walaubagaimanapun, hak MAIS untuk mengendalikan harta orang murtad tidak dinyatakan dalam mana-mana enakmen. Justeru

pihak berkuasa agama akan mengalami kesukaran untuk memastikan pihak-pihak yang berkaitan menerima hak mereka sekiranya pengisytiharan murtad dibuat dahulu sebelum hak nafkah, muta'ah, penjagaan dan harta sepencarian ditetapkan.

Walaupun, atas alasan apa, penetapan hak tersebut hendak ditetapkan jika pengisytiharan murtad tidak dilakukan. Pandangan al-Sayūti yang menyatakan bahawa seorang yang murtad "*tidak boleh diiktiraf kemurtadannya*" boleh menyelesaikan polemik ini. Oleh itu, seorang yang murtad adalah seorang Islam yang telah disabitkan melakukan jenayah murtad. Justeru dia masih tertakluk dengan perundangan Islam. Oleh itu, mahkamah masih boleh menguatkuasakan perundangan Islam ke atasnya dan tidak bersalahan dengan Jadual Sembilan Senarai Dua Perlembagaan Persekutuan serta tidak mencerooh hak kebebasan beragama dalam Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

4.6 Kesimpulan

Berasaskan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kedaulatan Islam di negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya masih dalam kerangka sekular. Islam dilihat terpinggir, walaupun undang-undang meletakkannya pada kedudukan yang amat tinggi. Justeru menjadi suatu cabaran yang besar kepada para cendekiawan untuk membetulkan keadaan ini. Namun begitu perlembagaan dan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959 menjamin kebebasan beragama. Walaupun tafsiran kebebasan beragama masih lagi menjadi pertikaian di mahkamah.

Perundangan murtad di negeri Selangor mengutamakan perkara cabang dalam jenayah murtad seperti murtad untuk mengelak pendakwaan, murtad untuk bercerai dan menghina agama. Malangnya perkara *dharūrī* iaitu murtad sebagai suatu jenayah telah ditinggalkan. Begitu juga dengan proses pengisytiharan dan hukuman. Kedudukan perundangan yang seperti ini ada kaitan dengan kekangan peruntukan undang-undang berkenaan bidangkuasa mahkamah syariah.

Oleh itu usaha perlu digembling bagi memastikan perundangan murtad dapat dizahirkan bagi mengawal kesucian akidah orang Islam dan tidak dipandang rendah atau diremehkan oleh pihak-pihak tertentu. Mahkamah Syariah juga perlu mengambil langkah yang agresif supaya lebih bersedia berhadapan dengan kes murtad yang melibatkan pihak-pihak bukan Islam. Malah bukan hanya dari segi jenayah tetapi kesan pasca murtad seperti hadanah, nafkah, pembahagian harta dan lain-lain.

Pihak pemerintah dan khususnya pemimpin parti politik yang memerintah hendaklah memberikan perhatian yang serius dalam kerangka untuk memartabatkan kedudukan mahkamah syariah dan perundangan Islam. Bukan hanya dari sudut kewangan, kemudahan infrastruktur dan perjawatan sahaja yang perlu diberi perhatian malah yang lebih asas ialah aspek perundangan. Sedangkan segala bentuk perundangan di Malaysia hendaklah diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Justeru tanpa *political will* yang kuat, maka beberapa perkara yang bersifat fundamental sukar untuk diselesaikan.